

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 NOVEMBER 2016 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI sedia bekerjasama dengan agensi keselamatan tingkatkan kemudahan teknologi	BERNAMA
2.	Malaysia perlu pelan induk STI untuk pertumbuhan ekonomi lestari – Madius	BERNAMA
3.	Malaysia needs STI masterplan to achieve sustainable economic growth – Madius	BERNAMA
4.	MOSTI to work with security agencies for technology development	BERNAMA
5.	Sains dan teknologi bantu lonjak industri pelancongan	BERNAMA
6.	Terpilih buat 3D Smart Maker	Berita Harian
7.	Perda-Tech terima project 3D Smart Maker	Utusan Malaysia
8.	Komitmen PDRM kekal keamanan negara	Utusan Malaysia
9.	Malaysia needs to go for nuclear energy	The Star
10.	East Coast lashed by heavy rain	The Star
11.	Kerajaan negeri pantau situasi banjir	Sinar Harian
12.	Kerajaan buat persiapan hadapi banjir skala besar	BERNAMA
13.	Gempa bumi lemah landa Ranau petang ini	BERNAMA
14.	Mayat tersalah serah adalah milik Fong Meng Tuck	BERNAMA
15.	Alat senaman USM diiktiraf antarabangsa	KOSMO



Mosti Sedia Bekerjasama Dengan Agensi Keselamatan Tingkatkan Kemudahan Teknologi

KOTA KINBALAU, 29 Nov (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** akan terus bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi keselamatan dalam menyediakan kemudahan teknologi bagi membantu agensi berkenaan menghadapi sebarang bentuk ancaman terutama di persempadanan negara.

Menterinya **Datuk Seri Madius Tangau** berkata Mosti sudah mencadangkan beberapa teknologi berkaitan keselamatan berkenaan kepada kementerian berkaitan namun beliau (Madius) enggan menghurai lanjut mengenainya.

"Saya belum bersedia untuk menceritakan semua ini. Kalau ada apa-apa pengumuman pun, ia akan dibuat oleh rakan-rakan saya daripada kementerian berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Sains Komputasional dan Kejuruteraan di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kesediaan kementerian itu membantu menyediakan teknologi tertentu untuk membendung aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone).

Menurut Madius teknologi berkaitan keselamatan berkenaan termasuk untuk kegunaan Jabatan Imigresen merupakan teknologi yang dibangunkan sendiri oleh Malaysia.

Mengenai **Sidang Kemuncak Tahunan Pengkomersialan Malaysia** pada 8 dan 9 Dis, Madius berkata, sejumlah 150 hasil kajian institut penyelidikan dan universiti tempatan yang sudah ke peringkat prototaip dan akan dipamerkan sempena acara berkenaan.

Katanya, 75 daripada hasil kajian tersebut sudahpun berada di pasaran, sekali gus melepasi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) khas yang ditetapkan kementeriannya kepada institut penyelidikan dan universiti-universiti berkenaan.

"Ini produk Malaysia. Yakinlah dengan produk Malaysia dan belilah barangan buatan Malaysia," katanya.

-- BERNAMA



Malaysia Perlu Pelan Induk STI Untuk Pertumbuhan Ekonomi Lestari - Madius

KOTA KINABALU, 29 Nov (Bernama) -- Malaysia amat memerlukan pelan induk bagi membangunkan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bagi membolehkan negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang lestari dengan menggunakan sepenuhnya pertumbuhan pesat teknologi maklumat dan komunikasi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata pelan induk seumpama ini diperlukan kerana ia boleh bertindak sebagai pelan strategik STI yang menyeluruh bagi Malaysia dalam tempoh jangka panjang melangkaui tahun 2020.

"Kita perlu sedar bahawa kemakmuran sesebuah negara dalam abad ke-21 ditentukan oleh keupayaan negara berkenaan untuk berinovasi. Inovasi mempunyai kesan lebih besar ke atas rakyat dan ekonomi negara pada kadar dan skala yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Bersama-sama dengan banyak negara lain, Malaysia telah lama mengiktiraf sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu penting bagi pertumbuhan lestari termasuk menambah baik taraf kehidupan, katanya ketika berucap pada persidangan antarabangsa mengenai Sains Komputasional dan Kejuruteraan di sini Selasa.

Persidangan dua hari anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bermula hari ini dihadiri kira-kira 200 peserta termasuk dari luar negara.

Menurut Madius, pertumbuhan ekonomi bagi kebanyakan negara maju seperti seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Korea Selatan dijana melalui STI dan ia merupakan pemacu ekonomi baharu yang mendorong penghasilan perniagaan baharu, pekerjaan baharu dan mendorong pertumbuhan produktiviti.

Dalam kes Malaysia, beliau berkata, jawapannya adalah dengan merumuskan pelan induk STI Nasional bagi menyokong pelaksanaan semua dasar berkaitan dengan STI diputuskan pada mesyuarat sulung Majlis Sains Kebangsaan.

Beliau berkata pelan induk itu menjadi keperluan kerana ia akan menjelaskan pelan tindakan mengenai wawasan, sasaran, langkah-langkah dasar, mekanisme dan sinergistik di semua kementerian dan sektor bagi memajukan STI di Malaysia.

"Dengan mempunyai pelan induk STI ini seolah-olah mempunyai hala tuju bagi membangunkan bandar raya pintar bersepadu, terancang yang mengandungi rumah pintar, rangkaian pengangkutan terkini, perusahaan komersial, kemudahan seperti sekolah, hospital, bekalan air yang lestari dan infrastruktur digital.

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk mempertimbangkan satu Pelan Induk STI Nasional untuk mencarta daya saing Malaysia pada masa depan melalui STI," katanya.

Menurut Madius, Malaysia juga perlu sedar bahawa dalam membentuk sebuah negara Malaysia pada masa depan, negara sepatutnya tidak membataskan diri kepada pemikiran dalam acuan lama, sebaliknya mencari cara bagi mengelak pendekatan silo dan memanfaatkan sumber yang ada bagi mencapai matlamat.

Beliau berkata dengan memahami situasi yang ada, kerajaan Malaysia telah menubuhkan sebuah badan terpusat yang dikenali sebagai Agensi Pengurusan Penyelidikan (RMA) bagi menguruskan dana pembangunan dan penyelidikan (R&D) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

Madius berkata RMA bukan sahaja dapat memperkemas pengurusan pembiayaan R&D tetapi ia juga memudahkan untuk menyelaraskan keseluruhan rantai nilai R&D dan dapat mengukur kebolehsasaran selaras dengan agenda STI Nasional.

"Tambahan pula RMA dapat mengharmonikan, menggabungkan dan memberi tumpuan semua inisiatif berkaitan R&D negara selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi dalam era ekonomi dipimpin elemen inovasi," katanya.

Beliau berkata jika Malaysia tidak dapat mempersiapkan diri, negara tidak akan dapat mempergunakan kekayaan yang terbentang luas dalam bidang sains, teknologi dan inovasi pada masa depan.

Sambil memberikan contoh, Madius berkata 12 teknologi baru muncul termasuk internet mudah alih, Internet Untuk Segala-galanya, (IoT), cloud, genomik maju, kenderaan berautonomi dan tenaga boleh diperbaharui dan pencetakan 3-D berpotensi memberi impak ekonomi antara US\$14 trilion dan US\$33 trilion setahun pada 2025.

-- BERNAMA



Malaysia Needs STI Masterplan To Achieve Sustainable Economic Growth - Madius



KOTA KINABALU, Nov 29 (Bernama) -- Malaysia needs to develop the science, technology and innovation (STI) masterplan to enable it to achieve sustainable economic growth by fully utilising the fast growing information and communication technology.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius

Tangau said an STI masterplan was needed as it would serve as an overarching strategic plan for STI in the country over a long term beyond 2020.

"We need to realise the prosperity of a nation in the 21st century is decided by its capacity to innovate. Innovation will have a larger impact on the people and nation's economy at an unprecedented pace and scale.

"Along with many other countries, Malaysia has long acknowledged that science, technology and innovation is the most important driver of sustainable growth, including improving the living standards," he said when addressing the International Conference on Computational Science and Engineering here today.

The two-day conference beginning today, is attended by about 200 participants including those from abroad, and organised by Universiti Malaysia Sabah (UMS).

According to Madius, the economic growth of most of the developed countries such as Japan, the United States of America and South Korea was powered through STI, and STI was the driver of the new economy spurring the creation of new businesses, new jobs and drives productivity growth.

In Malaysia's case, he said the answer was the formulation of a national STI masterplan to support the implementation of all policies related to STI, which was decided at the

inaugural National Science Council meeting.

He said the master plan would be essential because it would articulate the vision, targets, policy measures, mechanisms and synergistic action plans across all ministries and sectors to advance STI in Malaysia.

"Having an STI Masterplan is like having a blueprint to develop a well-planned, integrated smart city comprising smart homes, state-of-the-art transportation network, commercial enterprises, facilities such as schools, hospitals, sustainable water supply, digital infrastructure and others.

"Therefore, it is timely to consider developing a national STI masterplan to chart Malaysia's competitiveness in the future through STI," added Madius.

He said the Malaysian Government had established a centralised body known as Research Management Agency (RMA) to manage the country's Research and Development (R&D) fund under the ministry.

Madius said RMA would not only be able to streamline the management of R&D funding in Malaysia but would also be able to coordinate the entire R&D value chain and measure the deliverables, in accordance with the national STI agenda.

-- BERNAMA



MOSTI To Work With Security Agencies For Technology Development

KOTA KINABALU, Nov 29 (Bernama) -- **The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** will continue to work closely with the home ministry and security agencies to develop technologies to help deal with any kind of threat along the national borders.

Minister, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said MOSTI had previously proposed several security-based technologies to the Home Ministry but refused to divulge details on the matter.

"I'm not ready to tell all these. Should there be any announcement, it will be made by my friends at that ministry," he told reporters after officiating the Computing Science and Engineering Conference here Tuesday.

He was commenting on MOSTI's willingness in helping the government to combat transborder crimes, including the Eastern Sabah Security Zone (ESSZone), by developing certain technologies.

Madius said various security-based technologies, including the one being used by the immigration department were developed in Malaysia.

On the **Malaysian Commercialisation Year Summit** which will be held on Dec 8 and 9, he said a total of 150 works by local research institutes and varsities were now at prototype level and would be displayed at the event.

-- BERNAMA



Sains Dan Teknologi Bantu Lonjak Industri Pelancongan

MELAKA, Nov (Bernama) -- Gabungan unsur sains dan teknologi dalam aktiviti dan acara berkaitan seni mampu meningkatkan industri pelancongan di Malaysia, kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

Katanya, masyarakat perlu meneroka peluang baharu dalam bidang pelancong menerusi integrasi teknologi inovasi bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara.

"Memahami dan menggabungkan unsur teknologi dalam bidang seni akan meningkatkan lagi kreativiti, mewujudkan peluang membawa keunikan kepada kerja seni yang dihasilkan," katanya ketika merasmikan Festival Seni dan Persembahan Melaka ke-8 (MAPFest) di Bandar Hilir, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah MAPFest, Andrew Ching.

Lebih 40 artis tempatan dan antarabangsa dari 10 negara termasuk dari Australia, Jepun, Perancis dan India menyertai festival tiga hari itu yang bermula semalam.

Festival itu memaparkan tarian, seni persembahan, pemasangan seni visual, filem dan muzik bagi mempromosikan Melaka sebagai hab kreatif untuk inovasi seni dengan gabungan unsur-unsur warisan.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN
TARIKH : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)**

Nibong Tebal

Terpilih buat 3D Smart Maker

Institut Kemahiran Tinggi Perda Tech (Perda Tech) di Bukit Panchor, di sini, melakar sejarah tersendiri apabila terpilih menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini yang menerima projek 3D Smart Maker.

Projek 3D Smart Maker adalah satu teknologi reka bentuk, imbas dan pencetak tiga dimensi dibawa melalui inisiatif Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Kebangsaan (MIMOS) untuk bekerjasama mempertingkatkan kualiti kursus ditawarkan di Perda Tech.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya berkata, sebagai institusi khusus terhadap bidang informasi teknologi maklumat (ICT) yang menawarkan kursus teknologi pembuatan dan teknologi kreatif di wilayah utara, projek 3D Smart Maker adalah bersesuaian untuk dilaksanakan di Perda Tech.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)**

Perda-Tech terima projek 3D Smart Maker

NIBONG TEBAL 28 Nov. - Institut Kemahiran Tinggi Perda (Perda-Tech) menjadi institusi kemahiran tinggi pertama menerima projek 3D Smart Maker hasil kerjasama strategik bersama MIMOS Berhad.

Projek itu mendapat dana di bawah Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) sebanyak RM300,000 untuk pengubahsuaian prasarana berupa makmal yang dilengkapi dengan lima buah komputer dan lima unit pencetak 3D di Perda-Tech.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya berkata, melalui program itu pihaknya berhasrat membangunkan satu sistem bersepadu merangkumi latihan, pendidikan dan pembangunan tenaga kerja berpengetahuan.

Menurutnya, kursus 3D Smart Maker ini telah diajar kepada 25 pelajar jurusan Teknologi Pembuatan bermula 24 Oktober lalu oleh enam pensyarah Perda-Tech yang telah mendapat latihan secukupnya.

"3D Smart Maker adalah pencetak yang menghasilkan cetakan tiga dimensi yang digunakan untuk pembuatan objek terus atau penghasilan prototaip daripada lukisan reka bentuk di komputer yang boleh dibuat sendiri atau diimbas dari reka bentuk sedia ada.

"Kita sasarkan projek ini akan memberikan latihan kemahiran dan pembinaan upaya khususnya kepada komuniti Nibong Tebal dan kawasan sekitar ke arah meningkatkan taraf ekonomi," katanya ketika merasmikan Makmal 3d Smart Maker di Bukit Panchor, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah



**Pelbagai barangan
dapat dihasilkan
melalui reka bentuk 3D
termasuk kraf tangan,
cenderamata, barangan
kemas dan perhiasan,
perabot, alat muzik,
kelengkapan dapur dan
banyak lagi.**

MOHD. AZHAR YAHAYA
Ketua Setiausaha MOSTI

dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), Rosman Hashim.

Tambah Mohd. Azhar, kemahiran dalam 3D juga boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk industri seni bina, pembinaan dan kejuruteraan, elektronik pengguna, pembuatan acuan serta pendidikan.

Selain itu, jelasnya, pelbagai barangan dapat dihasilkan melalui reka bentuk 3D termasuk kraf tangan, cenderamata, barangan kemas dan perhiasan, perabot, alat muzik, kelengkapan dapur dan banyak lagi.

"Program ini bertepatan dengan MSI yang digariskan oleh MOSTI dan berharap ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi membawa perubahan positif kepada negara dan komuniti setempat," ujarnya.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9 TARIKH : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (dua dari kiri) bersama Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar (dua dari kanan) melihat teknologi Smart Lokap pada Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).



PAKET dadah dipercayai heroin dan syabu dianggar bernilai RM31,000, alat penimbang digital serta tiga buah telefon bimbit yang dirampas dari seorang lelaki dalam satu sekatan jalan raya di Kedah.

Komitmen PDRM kekal keamanan negara

LEBIH dikenali sebagai PDRM, pasukan keselamatan ini terdiri daripada 113,336 pegawai dan anggota yang mendokong dasar utama melalui Seksyen 3 (3) Akta Polis 1967 iaitu memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan penjenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.



MENGEKALKAN MALAYSIA SELAMAT, AMAN DAN SEJAHTERA

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, melihat bahawa pembaharuan kaedah dan peralatan amat diperlukan oleh PDRM dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan sama ada tugas hakiki mahupun membentuk persepsi rakyat bahawa Malaysia masih aman, selamat dan sejahtera yang menjadi visi PDRM itu sendiri.

Bertindak atas pandangan berkenaan, maka PDRM telah mengenal pasti kaedah Sistem

Pengawasan SMART Lokap (Self-Monitoring Analytics Reporting Technology System) sebagai kaedah yang boleh membantu meningkatkan tugas pasukan bahkan dapat mewujudkan persepsi baik di kalangan masyarakat terhadap polis. Sistem pengawasan lokap pintar ini adalah satu daripada inisiatif teknologi terkini PDRM dengan hasil kerjasama antara MIMOS Berhad di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Berbeza dengan penggunaan Kamera Litar tertutup (CCTV) konvensional, sistem SMART Lokap dapat mengesan sebarang pergerakan atau perilaku yang mencurigakan oleh tahanan yang berada di dalam lokap dan juga pihak lain di kawasan sekitar lokap.

Sistem ini juga dapat menentukan pergerakan yang dibuat oleh tahanan lokap sama ada agresif, memanjat dan melepak di samping menyediakan keterangan untuk produktiviti optimum pengoperasian lokap selain memastikan keselamatan tahanan dan mengelak insiden yang tidak diingini.



MALAYSIAN INTEGRITY TEST (MIT) FOR PUBLIC SAFETY

MIT merupakan satu dasar dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) diperkenalkan sejak tahun 2015 digunakan untuk membolehkan pengeluaran tenaga kerja yang berintegriti tinggi selari dengan nilai-nilai budaya Malaysia, adat dan norma-norma kehidupan dalam pasukan. Kaedahnya turut diguna pakai demi untuk memastikan tapisan menyeluruh integriti ke arah meningkatkan tahap profesionalisme seseorang individu sebelum menyertai pasukan PDRM.

Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa menyempurnakan perasmian MIT pada 19 April 2016 memaklumkan bahawa ujian psikometrik MIT akan digunakan untuk menyaring pengambilan baharu bagi jawatan konstabel, sarjan dan inspektor. Ujian berkenaan selain daripada mengukur tahap integriti calon, ia juga mengukur nilai kerja, pandangan positif, tingkah laku dan nilai-nilai etika calon yang diuji.

OPERASI ANTI DADAH

Mesyuarat Bulanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kompleks Narkotik Pulapol, Jalan Semarak Kuala Lumpur menghasilkan rumusan agar usaha memberantas gejala itu perlu dipertingkatkan lagi terutamanya fokus kepada menghalang punca penyeludupan dadah ke dalam negara yang memerlukan kerjasama semua pihak berkuasa.

Mesyuarat anjuran Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) tersebut bertujuan merangka strategi baharu dan meningkatkan langkah memerangi dadah habis-habisan.

Polis memaklumkan kejayaan menangkap seramai 182,787 orang sepanjang tahun 2015 dan jumlah ini meningkat sebanyak 5% berbanding tangkapan pada tahun 2014 iaitu seramai 174,427 orang serta merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM238.87 juta pada tahun 2015 berbanding jumlah rampasan bernilai RM238.54 juta yang meningkat sebanyak 0.1% pada tahun 2014.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)

Malaysia needs to go for nuclear energy

By **ZAZALI MUSA**
zaza@thestar.com.my

JOHOR BARU: Malaysia has no choice but to go for nuclear energy in less than 15 years from now to ensure the country is able to cater for its energy needs in the future.

Malaysian Nuclear Agency (Nuclear Malaysia) director-general Datuk Dr Muhamad Lebai Juri said the idea of the country having nuclear energy had been discussed many years ago.

He pointed out that nuclear energy would not replace the existing energy in the country derived from fossil fuel, gas, coal or even renewable energy such as solar, wind and hydro power.

"Malaysia needs a good mix of energy coming from different sources to reduce its dependency on only from one particular source," Dr Muhamad said at a briefing.

He said this after opening the three-day 19th Radiation Protection Conference and Workshop 2016 attended by some 250 radiation practitioners nationwide.

Dr Muhamad said one advantage of using nuclear energy was that the authorities would be able to keep the power tariff low unlike using power from gas, coal or fossil fuel although the initial investment to set up a nuclear plant is costly.

He said if Malaysia were to go for nuclear energy, it would made up between 10% and 30% of the country's total energy output while

the balance would come from fossil fuel, gas, coal, hydro power, solar and wind.

"South Korea is planning to build between three and five nuclear reactors to have 30% of its power output made up of nuclear energy by 2030," said Dr Muhamad.

He added that in France, 80% of the country's power supply came from nuclear power and in the United States, there were about 101 nuclear power plants.

Dr Muhamad said that at the end of the day, it is the prerogative of the Government to decide whether there is a need for the country to go for nuclear energy. "We will continue educating and creating awareness among the people that nuclear energy is safe if Malaysia decides to go for nuclear energy one day."

East Coast lashed by heavy rain

Terengganu hit by thunderstorms and floods



By SHARANPAL SINGH RANDHAWA
sharanpal@thestar.com.my

KUALA TERENGGANU: Flash floods and thunderstorms threw life into chaos in various places across Terengganu, causing several road closures – and it was only the beginning of the bad news.

Worst is yet to come, said Terengganu Civil Force's deputy director Mejar Amirsarafudin Zalman.

He said there would be high tides measuring about 2.5m in Kuala Terengganu and up to 3.2m from today for eight consecutive days, which could cause more major floods in the event of rain.

In Kuantan, it poured for more than 12 hours with the rains starting at 6am and stopping only at 7pm, a sign that the monsoon was about to hit the east coast of the peninsula.

The flash floods in Terengganu yesterday, which started after a heavy downpour at about 2am, caused two major roads in Batu Burok here and Serating Merchang in Marang to be closed to light vehicles, while Jalan Sultan Omar and Jalan Kamarudin near Kuala Terengganu Specialist Centre was inundated with water up to 0.4m. The road was not closed.

As of 6.30pm, the Serating



Watery journey: Drivers (top and left) braving floodwaters along Jalan Sultan Omar in Kuala Terengganu.

Merchang road in Marang had reopened to vehicles.

Some low-lying areas around Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun and Hulu Terengganu were affected but no major damage to properties was reported.

Eighty-seven evacuees from Kemaman and Kuala Terengganu were now taking refuge at SMK Badrul Alam Shah in Kemasik; SK Teluk Kalong in Kijal, Kemaman, and SK Gong Tok Nasek here.

They were all from Kampung Sarang Lang, Kampung Baru Kanan, Kampung Baru Kiri, Kampung Gong Cengal (all in Kemaman) and Kampung Gong Tok Nasek.

According to Mejar Amirsarafudin, the cause of the flash floods

was the heavy downpour which met with the high tides although clogged drains could also be the reason for certain areas in the city centre.

He also urged the public to be more responsible and stop circulating false flood pictures through WhatsApp.

"We also urge the public not to panic following the spreading of photographs as some were taken in a way to make it look like a disaster.

"The Civil Defence Force is monitoring the situation constantly and we are in contact with all respective agencies including the Meteorological Department and Department of Irrigation and Drainage for immediate reports on flood eventualities," he said, adding that the

Five-day weather forecast

	Wednesday (30/11)	Thursday (1/12)	Friday (2/12)	Saturday (3/12)	Sunday (4/12)
PERLIS	PM	PM	PM	PM	PM
KEDAH	PM	PM	PM	PM	PM
PENANG	PM	PM	PM	PM	PM
PERAK	PM	PM	PM	PM	PM
SELANGOR	PM	PM	PM	PM	PM
KUALA LUMPUR	PM	PM	PM	PM	PM
MALACCA	PM	PM	PM	PM	PM
JOHOR	PM	PM	PM	PM	PM
PAHANG	PM	PM	PM	PM	PM
TERENGGANU	AM	AM	AM	AM	AM
KELANTAN	AM	AM	AM	AM	AM

Source: Malaysian Meteorological Department

public could log on to www.etindakan.terengganu.gov.my or call the operation room for information.

Meanwhile, Mahathir Md Daud, from Kampung Durian Burung here, said it took only 10 minutes for the water level to rise and inundate his house in the morning.

"This is the first time a flash flood occurred in the 45 years that the house has been standing. Everything happened so quickly that we were unable to carry anything.

"We will have to start packing and moving our belongings to a higher place as the flash flood was a

warning there could be a bigger one coming soon," he said, adding that the floodwaters had caused slight damage to his sofa set and the motors in his two refrigerators.

Housewife Rosmah Engah, 36, from Kampung Batu Penunggul, Marang, was a very frustrated woman.

She said such flash floods were a norm every time it rained heavily for six continuous hours in her area.

She blamed poor drainage for causing the flash floods which saw her house inundated at about noon.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI TERENGGANU) : MUKA SURAT 51
TARIKH : 30 NOVEMBER 2016 (RABU)

Kerajaan negeri pantau situasi banjir

Minta masyarakat beri kerjasama, patuhi arahan pihak berkuasa jika diminta berpindah

■ NORHAFAZA MUSA &
NORADILA MAHAMAD

KUALA TERENGGANU — Fenomena air pasang dan hujan lebat menyebabkan berlakunya limpahan air di beberapa kawasan di negeri ini, terutamanya di kawasan Kuala Terengganu pagi semalam.

Timbalan Pengarah Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Mejar (PA) Amirsarafudin Zalman yang juga Setiausaha Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri berkata, kemuncak kejadian berlaku antara jam 9.30 pagi hingga 10 pagi, menyebabkan ada kawasan yang dinaiki air.

Menurutnya, keadaan itu juga menyebabkan dua laluan di Jalan Batu Burok, Kuala Terengganu dan Jalan Serating-Merchang, Marang ditutup kepada kenderaan ringan sejak jam 10 pagi semalam.

"Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi juga, beberapa kawasan di Terengganu dilanda hujan lebat sejak malam tadi (semalam) hingga lewat petang ini (semalam) tetapi berdasarkan perkembangan semasa didapati kawasan yang dinaiki air pagi tadi sudah mula surut," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Beliau juga meminta orang ramai tidak perlu cemas, hanya perlu peka dengan arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa.

Katanya, dia kesal dengan tindakan segelintir individu, bertindak menghebahkan berita dan gambar tanpa kesahihan pihak berkuasa sehingga menyebabkan ramai penduduk dan pengguna jalan raya cemas.



AMIRSARAFUDIN

Menurutnya, Bilik Gerakan Bencana Negeri mula dibuka bagi penyaluran maklumat yang sahih dan terkini kepada orang ramai dan pihak media berkaitan banjir.

"Orang ramai yang inginkan maklumat berkaitan banjir boleh layari laman web <http://etindakan.terengganu.gov.my> atau hubungi bilik gerakan di 09-6236655 atau 09-6236644," katanya.

SEMENTARA itu, kerajaan negeri sentiasa memantau dan mengambil langkah berjaga-jaga pada musim tengkujuh yang baru sahaja bermula.

Menteri Besar, Ahmad Razif Abd Rahman berkata, setakat ini, paras sungai-sungai utama negeri masih dalam keadaan normal namun pihaknya akan terus memantau perkembangan dari semasa ke semasa.

"Pihak berkuasa dan agensi kerajaan kini telah diarahkan bersiap siaga untuk menghulurkan bantuan dalam kadar segera jika keadaan memerlukan.

"Sehubungan itu, masyarakat juga diminta supaya sentiasa memberi kerjasama serta mematuhi arahan pihak berkuasa khususnya sekiranya diminta untuk berpindah," katanya dalam satu kenyataan kepada media, semalam.

Hujan lebat yang bermula kira-kira jam 3 pagi semalam menyebabkan ba-



Limpahan air di atas jalan tidak menghalang pemandu kenderaan menggunakan laluan Jalan Pantai Batu Burok.

nyak laluan utama termasuk jalan kampung digenangi air di sekitar bandar raya ini.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, kawasan limpahan air hujan tertumpu di jalan-jalan utama antaranya Jalan Kamaruddin, Jalan Sultan Omar, Jalan Pantai Batu Burok manakala jalan kampung seperti Jalan Kenanga sekitar Batu Burok, Jalan Pusara dan lain-lain lagi.

Kebanyakan air yang melimpah di atas jalan dipercayai akibat air parit melimpah keluar dan longkang yang sempit, tidak dapat menampung jumlah air hujan yang terlalu lebat.

Sehingga jam 7 petang semalam, satu pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Gong Tok Nasek dibuka melibatkan empat mangsa daripada sebuah keluarga.



Orang ramai mengambil peluang menjala ikan apabila air parit melimpah di Jalan Kenanga, Batu Burok.



Pelbagai jenis kenderaan dilihat meredah air di hadapan KTS, Jalan Kamaruddin.



Sebuah restoran yang turut dinaiki air sehingga menjadikan kawasan itu seperti sungai.



Kerajaan Buat Persiapan Hadapi Banjir Skala Besar

PUTRAJAYA, 28 Nov (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata kesiapsiagaan kerajaan menghadapi banjir tetap dibuat dalam skala besar walaupun bencana itu dijangka berlaku dalam skala yang kecil.

Beliau berkata pengalaman berdepan musibah banjir pada 2014 mengajar kerajaan dan pihak berkuasa berkaitan, terutamanya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) agar lebih bersedia kerana skala bencana itu boleh berubah tanpa diduga.

"Walaupun **Jabatan Meteorologi Malaysia** menjangkakan banjir kali ini berskala kecil tetapi pengalaman berdepan bencana itu sebelum ini membuatkan kita lebih bersedia.

"Atas sebab itu kita membuat persediaan dalam skala besar seolah-olah banjir besar akan berlaku," katanya mengulas persediaan kerajaan menghadapi banjir ekoran musim tengkujuh yang akan melanda negara, bulan depan.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan penyerahan enam buah bot penyelamat Amphibious Sealegs oleh Agensi Bencana Negara (Nadma) kepada APM di sini Isnin.

Shahidan berkata APM selaku sekretariat dan urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Pusat (JPBBP) peringkat nasional telah melaksanakan latihan kesiapsiagaan membabitkan agensi keselamatan lain termasuk bersama badan bukan kerajaan (NGO), antaranya bagi memastikan semua pihak bersedia jika bencana itu kembali melanda.

Beliau berkata APM juga telah mengadakan simulasi memberi bantuan dan memindahkan mangsa di negeri-negeri yang dijangka akan dilanda banjir seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Shahidan berkata pihaknya juga akan mempraktikkan pendekatan baharu dalam pengurusan banjir iaitu pindah dahulu sebelum banjir sepertimana yang dilaksanakan di beberapa negara maju seperti Jepun.

Pendekatan baharu ini akan dilaksanakan APM jika banjir melanda dan kita tidak akan bertolak-ansur kepada mana-mana penghuni yang enggan berpindah kerana apa yang dilakukan adalah untuk kebaikan mereka, katanya.

Beliau berkata sebanyak 382 bot, 96 lori dan 141 kenderaan pacuan empat roda berada dalam keadaan siap sedia untuk ke lokasi banjir dengan 11,800 anggota bersedia digerakkan untuk tiga jam pertama bencana melanda.

Mengenai Amphibious Sealegs, Shahidan berkata pemilikan bot penyelamat itu akan memastikan perkhidmatan lebih efisien dapat diberikan kepada rakyat, khususnya ketika banjir berlaku disebabkan bot tersebut amat praktikal kerana boleh diatur gerak sama ada di darat mahupun air.

Bot-bot ini akan diedarkan ke beberapa negeri iaitu Kelantan dua buah, masing-masing sebuah bagi Sabah dan Sarawak, manakala dua buah lagi ditempatkan di ibu pejabat APM bagi digerakkan ke mana-mana lokasi yang memerlukan, katanya.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Petang Ini

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah berukuran 3.3 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah pada 6.42 petang tadi.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)**, pusat gempa itu terletak di 6.1 darjah utara dan 116.6 darjah timur, 16 kilometer barat laut dari Ranau.

"Gegaran dirasai di sekitar Ranau dan Kundasang," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, MetMalaysia masih memantau perkembangan terkini dan akan mengemas kini maklumat dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA



Mayat Tersalah Serah Adalah Milik Fong Meng Tuck

GEORGE TOWN, 25 Nov (Bernama) -- Polis hari ini mengesahkan mayat seorang lelaki yang sebelum ini diserahkan kepada keluarga lain oleh Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang (HPP) adalah mayat Fong Meng Tuck, 60.

Ketua Polis Daerah Timur Laut ACP Mior Faridalathrash Wahid berkata pengesahan itu diperoleh hasil ujian DNA terhadap sampel darah tiga anak lelaki berkenaan oleh **Jabatan Kimia** yang mendapati ia 99.99 peratus sepadan dengan Fong.

"Kami menerima laporan polis daripada anak lelaki Fong pada Isnin lepas yang mendakwa mayat bapanya kemungkinan tersilap diberikan kepada keluarga lain dan polis kemudiannya membuka kertas siasatan kes berkenaan.

"Ujian DNA dibuat berdasarkan sampel darah Fong yang diambil semasa proses bedah siasat dan hasil ujian itu dikeluarkan hari ini," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Jabatan Perubatan Forensik HPP, Datuk Dr Zahari Noor dan Pengerusi Lembaga Pelawat HPP, Lim Thoon Deong.

Jabatan Perubatan Forensik HPP sebelum ini dilaporkan tersalah menyerahkan mayat Fong kepada keluarga lain yang kebetulan turut menuntut mayat seorang lelaki berusia 73 tahun yang meninggal dunia akibat sakit jantung kira-kira pukul 12 tengah hari Isnin lalu.

Mereka kemudian membawa pulang mayat itu dan melakukan upacara pembakaran sebelum abu mayat disimpan ahli keluarga berkenaan.

Anak lelaki Fong yang mahu menuntut mayat bapanya kira-kira 2 petang terkejut apabila dimaklumkan mayat sudah tiada di HPP.

Mior Faridalathrash berkata polis mendapati berlaku pelanggaran prosedur operasi standard semasa penyerahan mayat iaitu anak saudara kepada lelaki berusia 73 tahun itu tidak melakukan pengecaman kerana tidak tahan dengan bau mayat itu.

"Wanita berusia 53 tahun itu beberapa kali muntah kerana tidak tahan bau mayat bapa saudaranya yang mati tiga hari sebelum ditemui dalam rumahnya dan tidak membuat

pengecaman.

"Dia hanya meminta pihak pengurusan mayat menguruskan mayat bapa saudaranya yang tidak mempunyai anak itu sebelum terus membawa ke tempat pembakaran di Mount Erskine dan membakarnya tanpa melihatnya terlebih dahulu," katanya.

-- BERNAMA

Alat senaman USM diiktiraf antarabangsa

PASUKAN penyelidik dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) mengharumkan nama Universiti Sains Malaysia (USM) apabila berjaya merangkul anugerah emas pada International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2016 di Bangkok, Thailand baru-baru.

Pada pertandingan kali ke-41 yang bertemakan *Enhancing Human Resources Performance* itu, IPPT yang diwakili oleh kumpulan Galaksi R-3 telah menghasilkan inovasi alat senaman dikenali sebagai Medi-Bike Exerciser.

Ketua Pasukan Galaksi R-3, Muhammad Akasyah Baharum berkata, kejayaan itu adalah hasil dedikasi dan komitmen tinggi yang ditunjukkan setiap ahli pasukannya.

"Ia merupakan



PASUKAN penyelidik dari USM memenangi anugerah emas pada ICQCC yang berlangsung di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

pengiktirafan kepada IPPT dan USM memandangkan pertandingan ini bertaraf antarabangsa yang mana disertai lebih 300 pasukan dari seluruh dunia.

"Kejayaan merangkul

anugerah emas ini membakar semangat kami untuk menghasilkan lebih banyak inovasi baharu bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat pada masa hadapan," katanya kepada

Kosmo! baru-baru ini.

Ber cerita mengenai Medi-Bike Exerciser, Muhammad Akasyah memberitahu alat senaman itu dibangunkan dengan cara mudah alih dan mampu milik selain turut dipera kui selamat oleh Institut Piawaian dan **SIRIM Berhad.**

Menerusi alat senaman itu juga, masa rawatan berjaya dikurangkan dengan mengekalkan kualiti rawatan yang sama, sekali gus membolehkan lebih ramai pesakit dapat menjalani rawatan.

"Struktur nya yang ringkas dan boleh dilaras mengikut kedudukan serta ketinggian pesakit bukan sahaja dapat memberikan keselesaan tetapi mengekalkan postur tubuh badan yang ergonomik digunakan terhadap pesakit," ujarnya.